

Pengarah syarikat pelancongan diperintah bela diri

Iklan pakej haji furada tanpa lesen

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

KUALA LUMPUR - Seorang pengarah syarikat agensi pelancongan diperintah membela diri oleh Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan mengiklankan perkhidmatan pakej haji furada tanpa lesen pengelola jemaah haji sah daripada Lembaga Tabung Haji (TH), dua tahun lalu.

Hakim Mohd. Kafi Che Ali memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh Agus Rizal Mat Ali, 52, di akhir kes pendakwaan.

Hakim Mohd. Kafi berkata, mahkamah membuat keputusan itu selepas mendengar keterangan lapan saksi, hujahan, meneliti autoriti yang dikemukakan selain mencapai penilaian maksimum.

Sementara itu, peguam, Nik Mohamed Ikhwan Nik Mahamud yang mewakili Agus Rizal pula berkata, anak guamnya memilih membela bagi pilihan pertama iaitu membela diri dengan memberi keterangan bersumpah di kandang saksi dan boleh disoal balas.

"Bagaimanapun, pembelaan belum melengkapkan senarai saksi yang akan dipanggil," katanya.

Mahkamah kemudiannya menetapkan prosiding bela diri berlangsung selama dua hari pada 23 Februari dan 1 Mac ini.

Dalam prosiding semalam, pendakwaan dihadiri Timba-



AGUS RIZAL (kiri) bersama peguamnya ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

lan Pendakwa Raya, Akmalzatul Mohd. Nawi.

Pada 9 Ogos 2022, Agus Rizal mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan mengiklankan perkhidmatan pakej haji furada tanpa lesen pengelola jemaah haji yang sah daripada TH pada Mei 2022.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa sebagai seorang pengarah syarikat itu, telah mengiklankan perkhidmatan pakej haji furada bagi musim 2022M/1443H di media sosial Facebook milik syarikat itu.

Perbuatan didakwa dilakukan dengan cara mengiklankan bahawa dia boleh menjalankan atau

membuat transaksi perniagaan sebagai pengelola perjalanan ke tanah suci bagi menunaikan haji.

Sedangkan syarikat itu tidak mempunyai lesen pengelola jemaah haji secara sah daripada TH di pejabatnya di Platinum Walk, Jalan Langkawi 2, Danau Kota, di sini pada 9 Mei dua tahun lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 27(1)(b) Akta Tabung Haji 1995 dan boleh dihukum bawah Seksyen 27 (2) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.